

ORIGINAL ARTICLE



MJSSH
Muallim Journal of
Social Science and Humanities

PENELITIAN ASAS NUMERASI DALAM LAGU RAKYAT KANAK-KANAK DUSUN BUNDU SEBAGAI ASAS PEMBELAJARAN MATEMATIK

BASIC RESEARCH OF NUMERACY IN CHILDREN'S FOLK SONGS OF THE DUSUN BUNDU AS A BASIC OF MATHEMATICS LEARNING

Faraynel Bryn Fabian ^{*1}; Minah Sintian ²;
Mohd. Norazmie Mohd. Yusof ³

¹ Faculty of Language and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: faraynelbryn@gmail.com

² Faculty of Language and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: minahsintian@fbk.upsi.edu.my

³ Pusat Bahasa Universiti Brunei Darussalam, Brunei Darussalam.

Email: norazmie.yusof@ubd.edu.bn

*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/204>

Abstract

Children's folk songs are part of the oral literature of the Dusun Bundu. Nowadays, children's folk songs are increasingly difficult to hear. A study of Kadazandusun language in primary and secondary school textbooks found that folk songs are very poorly included. This situation is a loss to students who take the Kadazandusun Language subject because folk songs have cross-curricular elements, especially in mathematics. The objective of this study is to identify the basis of numeracy in several folk songs of Dusun Bundu children. Qualitative research is used by collecting data in the field through interview and observation methods. There are four folk songs used as analysis material. The folk songs were written in the form of verbatim texts before being analysed descriptively to clarify the objectives of the study. The results of the study found that all four folk songs of Dusun Bundu children have numeracy concepts such as kolondiso/isodin (one), kolonduo/duodin (two), lontu-lontu/tolukati (three), kaparangkat/apatkati (four) and so on. This study can contribute information on the concept of numeracy in the form of folk songs. Learning to use folk songs can encourage children to enjoy mathematics while preserving the cultural heritage of an ethnic group.

Keywords: Children's folk songs, Dusun Bundu, basic numeracy, Kadazandusun language

Abstrak

Lagu rakyat kanak-kanak merupakan sebahagian daripada sastera lisan masyarakat Dusun Bundu. Pada masa kini, lagu rakyat kanak-kanak semakin sukar didengari. Penelitian terhadap buku teks sekolah rendah dan sekolah menengah Bahasa Kadazandusun, didapati lagu rakyat sangat kurang dimasukkan. Keadaan ini merupakan satu kerugian kepada pelajar yang mengambil subjek Bahasa Kadazandusun kerana lagu rakyat mempunyai elemen merentas kurikulum khususnya dalam ilmu matematik. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti asas numerasi dalam beberapa buah lagu rakyat kanak-kanak Dusun Bundu. Penyelidikan kualitatif digunakan dengan mengutip data di lapangan melalui kaedah temu bual dan pemerhatian. Terdapat empat buah lagu rakyat yang digunakan sebagai bahan analisis. Lagu rakyat tersebut ditulis dalam bentuk teks verbatim sebelum dianalisis secara deskriptif untuk menjelaskan objektif kajian. Hasil kajian mendapati keempat-empat lagu rakyat kanak-kanak Dusun Bundu mempunyai konsep numerasi seperti *kolondiso/isodin* (satu), *kolonduo/duodin* (dua), *lontu-lontu/tolukati* (tiga), *kaparangkat/apatkati* (empat) dan sebagainya. Kajian ini dapat menyumbang maklumat konsep numerasi dalam bentuk lagu-lagu rakyat. Pembelajaran menggunakan lagu rakyat dapat menggalakkan kanak-kanak meminati ilmu matematik sekaligus melestarikan warisan budaya suatu etnik.

Kata kunci: Lagu rakyat kanak-kanak, Dusun Bundu, asas numerasi, Bahasa Kadazandusun

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 7th March 2022, revised 30th March 2022, accepted 15th April 2022

Pengenalan

Dusun Bundu yang mendiami kawasan daerah Ranau, Tamparuli, Tuaran, Tambunan, Keningau dan beberapa daerah lain di negeri Sabah merupakan salah satu suku dalam etnik Dusun. Suku Bundu sebagai etnik Dusun diidentifikasikan sebagai masyarakat petani kerana tinggal di kawasan perbukitan dan pedalaman (Pugh-Kitingan, 2016)¹. Lingkungan kehidupan Dusun Bundu yang di kelilingi oleh alam sekitar yang tenang, bersih, dan damai memainkan peranan penting dalam penghasilan karya sastera lisan seperti lagu-lagu rakyat. Lagu-lagu rakyat yang sering dilafazkan oleh Dusun Bundu agak menarik kerana mudah dilafaz atau dinyanyikan, mempunyai permainan bunyi asonansi dan aliterasi, perkataan yang diulang-ulang dan mempunyai baris yang agak pendek namun padat. Rosliah Kiting et.al. (2016)², menjelaskan bahawa aktiviti melafazkan lirik-lirik lagu rakyat telah menjadi salah satu budaya Dusun Bundu kerana mempunyai nilai dan fungsi tertentu untuk suku tersebut.

Lagu rakyat Dusun Bundu khususnya lagu kanak-kanak masih sangat kurang dimasukkan dalam buku teks Bahasa Kadazandusun. Keadaan ini menggambarkan bahawa lagu rakyat telah terpinggir sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Keadaan ini merupakan satu kerugian kepada pelajar yang mengambil subjek Bahasa Kadazandusun kerana penggunaan lirik lagu rakyat sangat penting dalam pendidikan generasi muda khususnya Dusun Bundu menimba pelbagai ilmu daripada warisan budaya mereka sendiri. Permasalahan ini juga secara tidak langsung menghambat matlamat Falsafah Pendidikan Negara untuk memperkembangkan potensi kanak-

kanak secara menyeluruh dan bersepadu dalam pelbagai aspek melalui persekitaran pembelajaran yang selamat dan subur melalui pendekatan yang seronok, kreatif dan bermakna.

Lagu rakyat kanak-kanak Dusun Bundu yang sarat dengan makna juga mempunyai nilai literasi numerasi. Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013)³, antara aspirasi murid yang dikehendaki ialah aspek pengetahuan. Pada peringkat paling asas, setiap kanak-kanak perlu menguasai sepenuhnya kemahiran literasi dan numerasi. Murid perlu menguasai mata pelajaran teras seperti Matematik dan Sains selain daripada pendedahan pengetahuan am yang menyeluruh tentang Malaysia, Asia, dan dunia dari aspek sejarah, manusia, dan geografi. Murid juga digalakkan mengembangkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang lain seperti seni, muzik, dan sukan. Dalam hal ini, lagu rakyat kanak-kanak Dusun Bundu dilihat dapat menyokong aspirasi murid dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah rendah dan juga dalam mata pelajaran Matematik Awal Pendidikan Prasekolah. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Prasekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017)⁴, memperkenalkan numerasi termasuk pranombor, konsep nombor dan operasi nombor. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti asas numerasi dalam beberapa buah lagu rakyat kanak-kanak Dusun Bundu.

Sorotan Literatur

Hasna Afa Afifa dan Isnin Ainie (2017)⁵, menyatakan bahawa lagu rakyat atau lagu tradisional merupakan salah satu karya yang dapat dinikmati sebagai media hiburan yang memiliki banyak makna yang terkandung di dalamnya. Ini menggambarkan bahawa lagu rakyat tercipta daripada kesedaran dan keinginan pengarang atau masyarakat pemiliknya untuk berkongsi maklumat dan hal-hal yang berkaitan dengan kehidupannya. Sumber daripada persekitaran, pengalaman, dan pemerhatian masyarakatnya telah mengetengahkan sesuatu yang menarik untuk dikongsi bersama. Mesej yang terkandung pada bait-bait yang mempunyai unsur kecindan dan dalam suasana menghiburkan lebih mudah dihayati oleh kanak-kanak (Siti Noor Riha Sulong, & Normaliza Abd. Rahim, 2017)⁶.

Keindahan dalam lagu rakyat tersebut juga dapat menarik minat golongan kanak-kanak untuk menyanyikannya. Mawuse (2015)⁷, mengakui bahawa kanak-kanak sekolah gemar menyanyikan lagu-lagu rakyat kerana lagu-lagu tersebut dicipta dalam persekitaran yang mereka tinggal. Lagu-lagu rakyat mudah untuk diakses dalam masyarakat perdesaan kerana sering didendangkan oleh ahli keluarga, jiran dan masyarakat setempat. Selain itu, lirik lagu dan makna lagu tersebut juga adalah berkisar dalam realiti kehidupan dan persekitaran mereka yang sebenar. Ini akan memudahkan kanak-kanak untuk menyanyikan lagu tersebut dan juga memahaminya kerana lagu rakyat tersebut tidak asing dan berada dalam lingkungan mereka sendiri. Masitah Mad Daud et al. (2017)⁸, turut melihat fungsi lagu rakyat sebagai teladan dalam memberikan pendidikan nilai moral dalam kalangan masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa lagu rakyat merupakan sumber rujukan yang penting kepada generasi masa kini dan akan datang berkaitan corak kehidupan masyarakat terdahulu.

Lagu rakyat masyarakat Orang Asli yang kaya dengan penceritaan persekitaran dan pengalaman hidup telah menarik minat pengkaji tempatan untuk meneliti aspek tertentu dalam lagu rakyat tersebut yang sesuai sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Penelitian Siti Nor Khalis Harun Narasid dan Mohd Nazri Abdul Rahman (2017)⁹, mendapati bahawa lagu rakyat

masyarakat Orang Asli sesuai dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Lagu rakyat Orang Asli mampu menarik minat kanak-kanak untuk belajar, mengekalkan nilai dan tradisi masyarakat dan meningkatkan tahap penguasaan abjad dan suku kata. Kajian ini membuktikan bahawa bahan pembelajaran yang berlatarbelakangkan bahasa ibunda pelajar dapat menarik minat mereka untuk terus belajar dan datang ke sekolah. Penelitian konsep numerasi dalam sastera lisan melalui permainan tradisional pula dikaji oleh sarjana Indonesia. S. Supriadi dan A. Arisetyawan (2019)¹⁰, mendapati bahawa konsep pecahan yang sukar difahami oleh pelajar dapat dikurangkan dengan memodifikasikan permainan tradisional masyarakat Sunda, iaitu permainan engklek dan endog-endogan. Hasil kajian mendapati bahawa kesukaran pelajar memahami konsep pecahan dapat dikurangkan melalui teknik didaktik-pedagogi pembelajaran matematik.

Kajian lepas meyakini bahawa sastera lisan mengandungi kearifan tertentu dan sesuai sebagai sumber pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Rosliah Kiting et al., (2016)¹¹, mendapati salah satu puisi tradisional masyarakat Kadazandusun yang dikenali sebagai *talaala* dapat memberi fungsi pendidikan selain daripada dijadikan sebagai lagu rakyat yang menghiburkan. Antara fungsi pendidikan yang dikesan dalam *talaala* adalah memberi penekanan akan kepentingan menjaga keharmonian dalam keluarga, kebijaksanaan menjaga emosi, berhati-hati menghadapi pengaruh yang tidak baik dan sebagainya. Kanak-kanak masyarakat Zulu di Afrika pula sudah sebatian dengan lagu rakyat *imilolozelo* (*lullabies*) sejak mereka bayi. Lagu rakyat tersebut diyakini dapat membentuk pendidikan, pergaulan dan perkembangan kanak-kanak secara tidak formal. Kaum wanita khususnya para ibu dan pengasuh menggunakan *imilolozelo* sebagai alat aktif dan dinamik dalam pendidikan anak-anak berbanding amalan membacakan buku kepada mereka meskipun pada era moden ini (Cynthia Danisile Daphne Ntuli, 2013)¹².

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan analisis deskriptif menurut perspektif kualitatif. Kaedah kajian lapangan dan pemerhatian digunakan untuk mendapatkan maklumat. Langkah-langkah untuk proses kerja lapangan Cresswell (1998)¹³, digunakan sebagai panduan. Kajian melibatkan tiga buah kampung dalam dua buah daerah berbeza, iaitu Tamparuli dan Keningau. Majoriti penduduk yang tinggal di lokasi kajian terdiri daripada etnik Dusun yang sebahagian besarnya terdiri daripada suku Bundu. Jumlah informan yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai empat orang yang terdiri daripada petani berusia lingkungan 52 hingga 76 tahun. Keempat-empat informan tinggal di kampung sejak usia relatif muda. Mereka mengenali dunia sastera lisan khususnya lagu-lagu rakyat melalui ibu bapa sejak lahir.

Jadual 1:

Demografi informan

Informan	Nama	Jantina	Lokasi	Pekerjaan	Umur
1	En. Gallus Guako	Lelaki	Kg. Toboh Laut, Keningau	Petani	59
2	En. Kiting Gusiang	Lelaki	Kg. Kapa, Tamparuli	Petani	76
3	Pn. Roselina Kiting	Perempuan	Kg. Puhus, Tamparuli	Petani	52

4	Pn. Gambilid	Usiah	Perempuan	Kg. Kapa, Tamparuli	Petani	71
---	-----------------	-------	-----------	---------------------	--------	----

Data diperoleh melalui teknik temu bual separa berstruktur dan pemerhatian. Dalam temu bual, penyelidik mengemukakan beberapa soalan yang telah siap dibina namun penyelidik bebas menjelajah jawapan informan dengan lebih mendalam melalui pertanyaan galakan minimum. Pemerhatian pula melibatkan tindakan bukan verbal dan perlakuan informan. Hasil temu bual dirakam menggunakan telefon pintar, ditulis semula dalam bentuk teks verbatim kemudian dianalisis mengikut objektif kajian. Dalam makalah ini, hanya empat buah lagu rakyat kanak-kanak sahaja yang dipilih untuk dianalisis. Proses analisis data dilakukan menurut panduan Othman Lebar (2017)¹⁴. Berdasarkan panduan ini, langkah-langkah untuk mengurus dan menganalisa data kualitatif meliputi proses menulis dalam bentuk teks verbatim, menterjemah, menyusun atur data, memahami data, melakukan pengkategorian, pengkodan dan mempersembahkan data dapat dijalankan.

Dapatan Kajian

Hasil kajian mendapati bahawa Dusun Bundu mempunyai banyak versi lagu rakyat yang digunakan untuk memperkenalkan asas numerasi dalam kalangan kanak-kanak. Perkataan nombor yang terdapat dalam keempat-empat lagu tersebut meskipun bukan dalam sebutan nombor yang standard namun informan menjelaskan bahawa bilangan nombor tersebut mempunyai signifikan dengan persekitaran masyarakat Bundu. Jadual 2, 3, 4 dan 5 menunjukkan lagu rakyat kanak-kanak yang mengandungi asas numerasi dari bilangan nombor satu sehingga sepuluh.

Jadual 2:

Lagu rakyat kanak-kanak

Dialek Bundu	Terjemahan
<i>Kolondiso</i>	Satu
<i>Kolonduo</i>	Dua
<i>Lontu-lontu</i>	Tiga
<i>Kaparangkat</i>	Empat
<i>Kotorimo</i>	Lima
<i>Kadibonong</i>	Enam
<i>Uruk-uruk</i>	Tujuh
<i>Kalu-kalu</i>	Lapan
<i>Kotoriang</i>	Sembilan
<i>Katapadai</i>	Sepuluh

Sumber: Informan 1

Menurut informan 1, adalah sangat mudah seorang kanak-kanak mengingat nombor sambil menyanyikan lagu rakyat tersebut. Lagu tersebut dinyanyikan sambil menggeletak lembut bahagian tulang belakang kanak-kanak sehingga menimbulkan rasa geli. Kiraan digunakan untuk menguji tahap ketahanan seseorang daripada tertawa atau melarikan diri kerana tidak tahan digeletak. Kanak-kanak yang tahan geletakan sehingga selesai kiraan sepuluh akan dipuji sebagai seorang yang kuat, sabar, panjang umur, akan berjaya suatu masa nanti dan pelbagai pujian yang

memotivasikan. Pujian-pujian ini dirasakan amat menggembirakan hati kanak-kanak sehingga memotivasikan mereka untuk meneruskan geletakan. Perlakuan yang berulang kali akan membantu kanak-kanak menghafal lagu rakyat sambil mengingati bilangan nombor.

Jadual 3:

Lagu rakyat kanak-kanak

Dialek Bundu	Bahasa Melayu
<i>Isaai</i>	Satu
<i>Duaai</i>	Dua
<i>Tokulai</i>	Tiga
<i>Berampat</i>	Empat
<i>Tingkou</i>	Lima
<i>Ponipu</i>	Enam
<i>Bintarang</i>	Tujuh
<i>Tarapung</i>	Lapan
<i>Punguk</i>	Sembilan
<i>Potikau</i>	Sepuluh

Sumber: Informan 2

Menurut informan 2, lagu rakyat dalam jadual 3 seringkali dinyanyikan oleh ibunya ketika menoreh getah sambil berlari-lari. Anak-anak yang mendengar lagu ini akan mengejar ibunya sambil membilang pokok getah. Situasi ini bersesuaian dengan kerja menoreh getah yang perlu mengejar masa dengan berjalan lebih cepat. Informan menjelaskan bahawa lagu rakyat untuk mengira ini telah diajar oleh ibunya ketika masih kecil di kebun getah. Informan digalakkan menyanyi lagu rakyat ini sambil mengira pokok getah dan kepingan getah serta membilang anak tangga yang dilalui semasa dalam perjalanan ke kebun.

Lagu rakyat dalam jadual 4 pula digunakan ketika bekerja di sawah padi. Menurut informan 3, kiraan ini digunakan ketika bergotong-royong menuai padi. Setiap gemal padi akan diikat sehingga kiraan sepuluh dengan menggunakan simpulan pada tali rotan. Kiraan juga digunakan ketika memberikan gemal padi kepada orang yang mengambil upah menuai padi. Selain menggunakan gemal padi, kiraan juga boleh dilakukan terhadap bilangan *wakid* (sejenis alat yang digunakan untuk mengisi padi ketika menuai) yang telah diisikan dengan padi. Lazimnya, kiraan dibuat sebanyak sepuluh sepuluh dengan menyimpulkan tali rotan.

Jadual 4:

Lagu rakyat kanak-kanak

Dialek Bundu	Bahasa Melayu
<i>Isong</i>	Satu
<i>Duong</i>	Dua
<i>Matong</i>	Tiga
<i>Punai</i>	Empat
<i>Balatik</i>	Lima

<i>Kadipopou</i>	Enam
<i>Kotulai</i>	Tujuh
<i>Koduangin</i>	Lapan
<i>Kotupak</i>	Sembilan
<i>Korobingkung</i>	Sepuluh

Sumber: Informan 3

Lagu rakyat juga digunakan sebagai medium untuk mendidik kanak-kanak agar berdisiplin. Salah satu cara didikan adalah dengan memberikan mitos berkaitan dengan *rogon* (hantu). Kanak-kanak dilarang turun dari rumah ketika hujan renyai-renyai atau ketika hujan panas dengan mengaitkan mitos bahawa *rogon* gemar berkeliaran pada suasana seperti itu. Dusun Bundu percaya bahawa *rogon* boleh menyebabkan seseorang jatuh sakit. Mitos berkaitan dengan *rogon* turut diselitkan dalam pendidikan mengira melalui lagu rakyat kanak-kanak seperti Jadual 5.

Jadual 5:

Lagu rakyat kanak-kanak

Dialek Bundu	Bahasa Melayu
<i>Isodin</i>	Satu
<i>Duodin</i>	Dua
<i>Tolukati</i>	Tiga
<i>Apatkati</i>	Empat
<i>Lamadin</i>	Lima
<i>Kabukabu</i>	Enam
<i>Inambai</i>	Tujuh
<i>Ambaioku</i>	Lapan
<i>Kominan</i>	Sembilan
<i>Sikabal</i>	Sepuluh

Sumber: Informan 4

Informan 4 menjelaskan bahawa ibunya sering memperdengarkan lagu rakyat tersebut ketika masih kecil. Kiraan *isodin*, *duodin*, *tolukati* dan seterusnya dikatakan nombor yang digunakan oleh *rogon* untuk menangkap mangsanya untuk dijadikan makanan. Berdasarkan mitos ini, *rogon* akan menangkap sesiapa sahaja kanak-kanak yang dijumpainya ketika hujan panas, waktu senja atau subuh. Informan menjelaskan perasaan takutnya sewaktu ibunya perdengarkan lagu rakyat tersebut. Informan juga akan berdiam diri dan mendengar dengan teliti lagu rakyat itu. Secara didaktik, kaedah mengira ini dapat mendidik kanak-kanak untuk mendengar dengan teliti agar mudah memahami sesuatu arahan atau larangan yang boleh mendatangkan manfaat kepada kanak-kanak.

Perbincangan Kajian

Lagu-lagu rakyat dalam masyarakat Dusun Bundu sarat dengan kearifan tempatan dengan menjadikan persekitaran sebagai bahan untuk menghasilkan karya. Dusun Bundu yang tinggal di perbukitan dan mengamalkan kegiatan pertanian bukan sahaja arif melestarikan alam sekitar dalam penanaman padi (Minah et al., 2019)¹⁵, bahkan arif menggubal lagu menggunakan pengalaman dan pengamatan alam sekitar. Pemilihan lirik bilangan nombor yang mempunyai perkataan dan irama menarik adalah terhasil daripada pengalaman menoreh getah, menanam padi, bermain bersama-sama ahli keluarga dan berdasarkan kepercayaan terhadap makhluk ghaib. Penggunaan perkataan yang mempunyai kesepadanan bersifat fonem dan kemiripan bersifat fonetik seperti *kolindiso*, *isaai*, *isong* dan *isodin* untuk merujuk nombor *iso* (satu), *kolonduo*, *duaai*, *duong*, dan *duodin* untuk merujuk nombor *duo* (dua) dan sebagainya menunjukkan masyarakat Dusun Bundu arif dengan permainan bunyi bahasa. Penggunaan perkataan berirama tidak terpisah daripada konvensi masyarakat tradisional yang gemarkan keindahan bahasa dengan terhasilnya kosa kata baharu. A. Teeuw (1984)¹⁶, mengakui bahawa penulis puisi atau karya sastera yang lain mempunyai *poetic licence* untuk tujuan pengkaryaan mereka.

Meskipun sebutan nombor adalah berbeza dengan sebutan sebenar nombor dalam bahasa Kadazandusun namun melalui penggunaan sebutan tersebut dipercayai lebih menarik minat kanak-kanak mempelajari ilmu matematik asas. Kanak-kanak terhibur dan lebih riang membuat suatu pekerjaan mengira pokok getah dan gemal padi menggunakan ungkapan tersebut. Naidoo (2011, seperti yang dinyatakan dalam Radiusman, 2020)¹⁷, mengakui bahawa kanak-kanak memperoleh pengetahuan baharu melalui pengetahuan lama yang dialami secara sistematik, melalui persekitaran dan interaksi sosial dalam masyarakat. Churchill (2017, seperti yang dinyatakan dalam Radiusman, 2020)¹⁷, menjelaskan bahawa pengalaman lampau kanak-kanak dapat membantu mereka memahami suatu konsep matematik kerana tujuan asas dalam pembelajaran matematik ialah pemahaman konsep. Melalui pemahaman konsep, kanak-kanak mampu untuk menyelesaikan masalah dalam pelajaran matematik.

Semasa menyanyikan lagu tradisional beserta dengan perlakuan seperti mengira pokok getah dan gemal padi, kanak-kanak dapat menjelaskan bilangan objek yang dikiranya berdasarkan pemahaman konsep matematik. Aktiviti menarik dan bermanfaat semasa melafazkan lagu-lagu tersebut juga dapat memantapkan pemahaman kanak-kanak terhadap per nomboran. S. Supriadi dan A. Arisetyawan (2019)¹⁰, dalam kajian mereka juga mengetengahkan permainan engklek dan endog-endogan Sunda dalam pembelajaran Matematik. Diyakini bahawa penggunaan unsur budaya dalam pembelajaran Matematik dapat mengurangkan keabstrakan konsep matematik sekaligus dapat mengembangkan pemikiran kreatif dalam kalangan guru dan pelajar (S. Supriadi, & A. Arisetyawan, 2019)¹⁰.

Lagu rakyat sebagai sebuah karya sastera tidak dihasilkan dengan kekosongan atau tanpa sebab, sebaliknya teks atau karya sastera merupakan rakaman imaginasi pengarang yang di dalamnya sarat dengan maklumat dan isi sama ada bersifat keintelektualan ataupun kerohanian (Siti Noor Riha Sulong, & Normaliza Abd Rahim: 2017)⁶. Hal ini bermaksud, karya sastera mempunyai fungsi dan tujuan tertentu terhadap sasarannya. Kanak-kanak yang peka terhadap mesej tersurat dan tersirat dapat memanfaatkan lagu rakyat dalam kehidupan sebenar mereka. Misalnya pembilangan nombor dapat dimanfaatkan sewaktu bermain dengan rakan-rakan dan ahli keluarga, membilang objek di kebun dan sebagainya meskipun nombor itu tidak merujuk kepada nombor sebenar menurut bahasa mereka. Hal ini selari dengan pendapat Nyoman Dantes dan Lisna

Handayani (2021)¹⁸, yang menjelaskan bahawa pengetahuan dan kecekapan menggunakan angka dan simbol yang berkaitan dengan matematik asas adalah bertujuan untuk menyelesaikan masalah dalam konteks kehidupan seharian. Misalnya anak-anak diajar mengira pokok getah semasa menyanyikan lagu rakyat dapat memantapkan ingatan numerasi kanak-kanak terhadap objek dalam persekitaran mereka. Pembilangan jumlah ikatan gemal padi menggunakan tali rotan juga dapat menjadikan kanak-kanak lebih kreatif.

Aktiviti menyanyikan lagu rakyat berunsur numerasi sambil bermain dengan ahli keluarga dan membantu ibu bapa bekerja di kebun dapat meningkatkan kecerdasan minda, emosi dan psikomotor kanak-kanak. Menurut Yus (2015, yang dipetik dalam Achmad Mauluddin, 2018:180)¹⁹, perkembangan kecerdasan kanak-kanak boleh meningkat dari 50% sehingga 80% sekiranya persekitaran dapat memberikan rangsangan yang tepat dan berkesan dengan keperluan pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak. Individu atau masyarakat dalam persekitaran kanak-kanak memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan mereka.

Kepercayaan masyarakat Dusun Bundu tradisional terhadap makhluk ghaib masih menebal sehingga diungkapkan dalam beberapa buah lagu rakyat. Misalnya pengiraan nombor dalam lagu rakyat jadual 5 dikatakan oleh informan 4 sebagai kiraan nombor yang digunakan oleh hantu. Raymond Majumah (2015:78)²⁰, turut mengakui terdapatnya kiraan nombor khusus untuk hantu atau roh jahat dalam masyarakat Rungus, iaitu salah satu subetnik dalam Kadazandusun. Penggunaan nombor dalam lagu rakyat itu sebenarnya mempunyai maksud didaktik. Lagu tersebut bertujuan untuk mendidik anak-anak supaya patuh terhadap larangan ibu bapa daripada bermain di luar rumah ketika hujan, waktu senja atau subuh bagi mengelakkan mereka daripada sakit, cedera atau mengalami kemalangan yang boleh meragut nyawa.

Kekreatifan masyarakat Dusun Bundu tradisional memasukkan elemen numerasi melalui lagu rakyat agak bersesuaian dengan dunia kanak-kanak yang suka akan nyanyian, pergerakan, sentuhan dan perasaan ingin tahu yang tinggi. Hal ini selari dengan kecenderungan tersendiri masyarakat Dusun Bundu yang sangat meminati aktiviti menyanyi sehinggakan banyak lagu etnik mereka dikongsikan melalui laman sosial khususnya *Youtube* (Kiting et al., 2020)²¹. Penzahiran elemen numerasi melalui lagu rakyat sewajarnya perlu dipertimbangkan oleh pihak Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM untuk memasukkan lagu-lagu rakyat ke dalam buku teks sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Kesimpulan

Konsep numerasi telah lama diperkenalkan oleh suku Bundu melalui lagu-lagu rakyat yang terhasil berdasarkan kreativiti masyarakat kolektif dalam persekitaran kehidupan mereka. Lagu tersebut mudah difahami dan menimbulkan emosi gembira kerana disertai dengan unsur psikomotor. Lirik lagu yang mengandungi elemen numerasi dapat membantu kanak-kanak memahami konsep nombor apabila mereka berada di alam persekolahan formal. Melalui lirik lagu tersebut, sekurang-kurangnya mereka dapat menyebut nombor satu sehingga sepuluh mengikut urutan serta boleh membilang objek dengan kiraan yang betul. Selain itu, lagu rakyat tersebut juga menerapkan pelbagai nilai pendidikan dalam kalangan kanak-kanak seperti konsep budi, adat, pedoman dan pengalaman hidup. Implikasi kajian ini ialah lagu rakyat terbukti mempunyai nilai tambah dalam

ilmu matematik selain daripada bahasa dan pendidikan moral. Justeru, lagu rakyat ini sewajarnya diperkenalkan kepada semua murid dan dilestarikan sebagai warisan budaya yang sangat bernilai.

References

1. Pugh-Kitingan, J. (2016). *Kadazan Dusun* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia.
2. Rosliah Kiting, Rosy Talin, & Saidatul Nornis Mahali. (2016). Nilai Pendidikan talaala dan impak kepada pembentukan generasi muda Kadazandusun. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, edisi khas, 77-86.
3. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013 2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
4. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Pendidikan prasekolah dokumen standard kurikulum dan pentaksiran semakan 2017*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
5. Hasna Aafa Afifa, & Isnin Ainie. (2017). Makna lirik lagu tradisional anak-anak amefuri (kajian semiotik). *Jurnal Ayumi*, 4(2), 175-186.
6. Siti Noor Riha Sulong, & Normaliza Abd. Rahim. (2017). Tahap keberkesanan lagu Si Pintar dan Si Manis dan kura-kura terhadap kanak-kanak. *Journal of Business and Social Development*, 5(2), 102-110. <https://jssm.umt.edu.my/wpcontent/uploads/sites/53/2017/09/11-Tahap-pindaan.pdf>
7. Mawuse, A. (2015). *Folk song in early childhood music education: A study in some selected schools in Afadjato-South district*. (Tesis doktoral yang tidak diterbitkan), University Of Education, Winabe. <https://afribary.com/works/folk-songs-in-early-childhood-music-education-a-study-in-some-selected-schools-in-afadjato-south-district>
8. Masitah Mad Daud, Zulkifley Hamid, Nirwana Sudirman, & Nik Zulaiha Zakaria. (2017). Perenggu minda Melayu dalam lirik lagu: satu analisis makna. *Journal of social sciences and humanities*, isu khas 2(2017), 175-187. <file:///C:/Users/ASUS/Downloads/22217-63846-1-SM.pdf>
9. Siti Nor Khalis Harun Narasid, & Mohd Nazri Abdul Rahman. (2017). Kreativiti menerusi lagu rakyat masyarakat Orang Asli sebagai bahan pembelajaran asas literasi: Tinjauan awal. *Prosiding Seminar Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2017)* (hlm. 47-51). Selangor, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
10. S. Supriadi, & A. Arisetyawan. (2019). Pembelajaran etnomatematika Sunda melalui permainan endog-endogan dan engklek untuk sisea sekolah dasar dalam materi pecahan. *Prosiding Seminar Nasional Integrasi matematika dan Nilai Islami*, 3(1), 97-101. <http://conferences.uin-malang.ac.id/index.php/SIMANIS/article/view/917>
11. Rosliah Kiting, Rosy Talin, & Saidatul Nornis Mahali (2016). Nilai pendidikan talaala dan impak kepada pembentukan generasi muda Kadazandusun. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI* Edisi Khas, 77-86.
12. Cynthia Danisile Daphne Ntuli. (2013). Children's oral poetry: A reflection on the role of Imilolozelo (lullabies) as Art Performance in Zulu. *Muziki Journal of Music Research in Africa*, 10:sup1, 13-23, DOI: 10.1080/18125980.2013.852739
13. Creswell, John W. (1998). *Qualitative inquiry and research design: choosing among five traditions*. USA: Sage Publications Inc.

14. Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metode* (Edisi Kedua). Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
15. Minah, S., Norjieta, T., Rosliah, K., & Novi, S.K.I. (2019). Local wisdom in agriculture for environmental sustainability: A case study of the Dusun community. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 6(8), 117-138. https://www.ijicc.net/images/Vol6Iss8/6810_Minah_2019_E_R.pdf
16. A. Teeuw. (1984). *Sastra dan ilmu sastra: Pengantar teori sastra*. Jakarta: Pustaka Jaya.
17. Radiusman. (2020). Studi literasi: Pemahaman konsep siswa pada pembelajaran matematika. *Jurnal Pendidikan Matematika dan Matematika*, 6(1), 1-8. <https://jurnal.umj.ac.id/index.php/fbc/article/view/4800/4258>
18. Nyoman Dantes, & Lisna Handayani, N. N. (2021). Peningkatan literasi sekolah dan literasi numerasi melalui model blended learning pada siswa kelas v SD Kota Singaraja. *WIDYALAYA: Jurnal Ilmu Pendidikan*, 1(3), 269-283. <http://jurnal.ekadanta.org/index.php/Widyalyaya/article/view/121>
19. Achmad Mauluddin. (2018). Motivasi berprestasi dan gaya kepemimpinan dalam meningkatkan mutu pendidikan kanak-kanak. *Jurnal Administrasi Pendidikan*, 25(2), 180-197. <https://ejournal.upi.edu/index.php/JAPSPs/article/view/15650>
20. Raymond Majumah. (2015). *Rungus peribumi Momogun Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
21. Kiting, R., Sintian, M., Osup, C. A., Taisin, J. N., & Fabian, F. B. (2020). The Application of Educational Values in the Kadazandusun (Oi Gidi) Song. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 10(11), 915-925. https://hrmars.com/papers_submitted/8036/the-application-of-educational-values-in-the-kadazandusun-oi-gidi-song.pdf